

Kelantan catat peningkatan pelaburan perkilangan RM1.7 bilion pada 2024

Diskaun bayaran 90 peratus cukai tanah

Belanjawan Kelantan cerminan pentadbiran Islam adil, saksama - Dato' Abdul Rahman

Belanjawan 2026: Kelantan peruntuk RM1.43 bilion

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 November – Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan Belanjawan Negeri Kelantan 2026 berjumlah RM1.43 bilion, hari ini.

Bertemakan Kelantan Sejahtera: Prihatin Rakyat, Ekonomi Berkat dan Negeri Rahmat, belanjawan berkenaan menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, belanjawan 2026 digerakkan di bawah kerangka dasar Kelantan Sejahtera, berteraskan Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (MBI) 2023–2033.

Tambahnya, belanjawan 2026 memberi tumpuan kepada empat teras utama. Teras pertama ialah pembelaan dan pemberdayaan rakyat dengan peruntukan RM67.27



juta. Teras kedua melibatkan ketenteraman makanan dan kemampanan ekonomi yang diperuntukkan dana RM81.77 juta.

Manakala, teras ketiga pula kesejahteraan rakyat dan kelestarian negeri, RM95.08 juta dan teras keempat yang paling utama ialah pembangunan Islam, pendidikan dan modal insan, dengan peruntukan RM181.71 juta.

Menariknya, bajet negeri tersebut juga mencatat pengurangan

defisit kepada RM86.2 juta berbanding RM93.02 juta pada tahun 2025, iaitu pengurangan sebanyak RM6.82 juta atau 7.33 peratus.

Menurut Menteri Besar Kelantan, pencapaian itu diraih melalui pelarasan semula peruntukan bawah Wang Terkanun serta penyusunan semula pinjaman kerajaan negeri yang kini diuruskan melalui Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kerajaan Negeri Kelantan.

Beliau menekankan bahawa

“

Semua jabatan dan agensi negeri diingatkan agar terus mengamalkan budaya kerja yang berintegriti dan berhemat, selari dengan prinsip pengurusan ihtirafi yang menjadi teras pentadbiran kerajaan negeri,”

langkah itu meningkatkan kawalan fizikal sekali gus memperkukuh tadbir urus kewangan kerajaan negeri bagi memastikan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan perbelanjaan awam.

“Semua jabatan dan agensi negeri diingatkan agar terus mengamalkan budaya kerja yang berintegriti dan berhemat, selari dengan prinsip pengurusan ihtirafi yang menjadi teras pentadbiran kerajaan negeri “ jelasnya.



Pembangunan minda rakyat dimantapkan melalui Pentadbiran Ihtirafi, DPRK

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 9 November — Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda pembangunan minda rakyat melalui pendekatan bersepadu merangkumi pentadbiran, ekonomi dan pendidikan sebagai teras menuju kesejahteraan negeri selaras dengan tuntutan syariah.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata fokus kerajaan adalah membina modal insan yang berilmu, berintegriti dan berakhlak tinggi sekali gus melahirkan modal insan berkualiti yang mampu memacu pembangunan negeri secara mampan.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir YB Mohamad Nasriff Daud Yatimee yang bertanya mengenai hala tuju pembangunan minda rakyat dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan (Belanjawan) Kali Ketiga Bagi Penggal Ke-15 Tahun 2025, hari ini.

Menurutnya lagi, di peringkat pentadbiran, kerajaan negeri mem-



perkenalkan Konsep Pengurusan Ihtirafi sebagai teras budaya kerja profesional.

“Konsep ini dibangunkan melalui lima ciri utama. Pertama, Hawariyyun yakni pendukung perjuangan dan matlamat organisasi. Kedua, Kafa’ah iaitu akhlak Islami serta integriti dalam setiap tindakan. Ketiga, Wafa’ Bil ‘Uqud iaitu komitmen kepada pencapaian piawaian terbaik. Keempat, Himmatul ‘Amal ialah peningkatan kualiti dan cita-cita profesional. Manakala kelima ialah Hafazah, memelihara dan meningkatkan imej profesion,” jelasnya.

Mengulas berkenaan pelaksanaan modul ihtirafi yang diselenggarakan melalui Pusat Sumber Manusia pula, beliau memaklumkan bahawa

setakat ini, empat siri latihan Program Sijil Tasawwur Islam telah diadakan yang membabitkan 127 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.

Selain itu, Program Diploma Eksekutif Tasawwur Islam yang bermula pada 30 Julai 2018 turut melibatkan 30 penjawat awam terpilih, sebagai kelompok pelaksana dasar peringkat strategik.

Sementara itu, dalam sektor Pendidikan, Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) diterapkan di semua sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dengan penekanan kepada pendidikan berteraskan wahyu dan pembentukan jati diri Qurani.

Menurutnya, setakat tahun 2024, Kelantan mencatat rekod

berjaya melahirkan 5,370 hafiz dan hafizah. Daripada jumlah itu, sebanyak 3,572 pelajar tahfiz sepenuh masa di sekolah YIK (tidak termasuk institusi swasta).

“Inisiatif pendidikan ini diperluas ke Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), pusat pengajian pondok serta pondok moden seluruh negeri. Begitu juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) yang turut memperkasa pembangunan minda rakyat melalui empat program utama.

“Membina Generasi Solat, Membina Generasi Al-Quran, Penubuhan Pusat Tarannum Al-Quran dan pelantikan 2,700 guru Al-Quran di bawah Bahagian Dakwah dan Halaqat,” jelasnya.

K-Ekonomi strategi baharu tadbir urus Kerajaan Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 November — Kerajaan Kelantan memacu anjakan strategik dengan memberi penekanan kepada ekonomi digital (K-Ekonomi) sebagai teras Belanjawan 2026, menandakan peralihan penting daripada pergantungan kepada model ekonomi konvensional menuju sistem ekonomi berteras-

kan inovasi, data dan teknologi.

Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS) Dato' Dr. Wan Nik Wan Yusof berkata langkah tersebut mencerminkan kesediaan kerajaan negeri membina ekosistem ekonomi yang lebih mampan, berdaya saing dan inklusif, sejajar dengan tuntutan era transformasi digital.

“Kelantan tidak lagi boleh hanya bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian dan makanan sahaja.

“Ekonomi digital membuka potensi pekerjaan baharu, memperluas jaringan rantai nilai, serta memperkasa keupayaan rakyat menyertai ekonomi masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel podcast “Fokus Belanjawan 2026” terbitan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG), yang bersiaran dari Studio IPTG, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya lagi, strategi itu didasari kepimpinan kerajaan negeri yang mengutamakan tadbir urus berteraskan nilai Islam, memastikan setiap dasar dirangka tanpa meminggirkan mana-mana kelompok masyarakat dalam arus pem-

angunan ekonomi.

Dalam memperkukuh pelaksanaan, agenda Belanjawan 2026 akan digerakkan melalui 11 portfolio utama merangkumi Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan sembilan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Bagi menyelaraskan hala tuju dasar, Unit Pemantauan Strategi (SPARK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan membimbing setiap portfolio melalui bengkel perancangan tahunan yang menumpukan keutamaan, cabaran dan tindakan strategik setiap sektor.

“Kerangka ini memastikan setiap perancangan bukan sahaja responsif kepada realiti semasa, malah selari dengan aspirasi rakyat dan tuntutan ekonomi global,” jelasnya.

Kelantan majukan 3,332 hektar tanah terbiar, labur RM26.34 juta untuk sekuriti makanan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 November — Sejak 2006 hingga 2024, Kerajaan Negeri Kelantan berjaya memajukan 3,332.92 hektar tanah terbiar untuk tujuan pertanian melalui pelbagai inisiatif strategik, melibatkan peruntukan keseluruhan RM26.34 juta, sekali gus mengukuhkan agenda sekuriti makanan negeri.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata daripada jumlah itu, RM12.6 juta merupakan peruntukan kerajaan negeri di bawah Program Pembangunan Tanah Terbiar (2006–2024) yang membangunkan 2,332.57 hektar.

Manakala RM13.74 juta adalah daripada kerajaan persekutuan bagi

pembangunan 1,000.35 hektar antara 2008 hingga 2019.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perioik YB Kamaruzaman Mohamad, pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan ke-15 Tahun 2025 di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, rekod geospasial Jabatan Pertanian Negeri setakat 2020 menunjukkan 4,814.7 hektar tanah terbiar direkodkan di seluruh Kelantan membabitkan 3,690 lot tanah.

Empat jajahan mencatat keluasan tertinggi iaitu Kuala Krai (1,021.7 hektar), diikuti Machang (773.5 hektar), Jeli (681.7 hektar) dan Tanah Merah (459.9 hektar).

Kerajaan negeri turut menyediakan insentif RM25,000 bagi setiap hektar kepada pemilik atau penyewa tanah persendirian dengan keluasan minimum 0.4 hektar, merangkumi kos pembersihan lahan, infrastruktur asas, input pertanian, sistem pengairan, serta kemudahan pasca tuai.

Pembangunan dilakukan secara berfasa merangkumi tanaman kekal seperti kelapa, durian dan limau madu, serta tanaman jangka pendek termasuk tembikai, nanas, cili, timun, jagung, melon dan pelbagai sayuran.

Selain jabatan dan agensi kerajaan, golongan pemain strategik seperti GLC negeri turut menggerakkan pembangunan tanah terbiar.

Antaranya, Perbadanan Kemaajuan Pertanian Negeri Kelantan (KPNK) mengusahakan 270 ekar di Rong Chenok Agro Valley, Pasir Mas, melibatkan tanaman sayur berteknologi hidroponik, cili fertigasi, reban ayam automatik tertutup, pusat pembenihan ikan air tawar serta ternakan lembu pedaging baka Charolais.

Menurutnya lagi, bagi tahun 2025 dan 2026, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

turut meluluskan peruntukan tambahan bagi projek tanaman makanan ruminan, melon madu, pisang, anggur dan timun di kawasan yang sama.

Turut menyumbang, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang membangunkan lebih 115 ekar tanah terbiar di beberapa jajahan, merangkumi 49.4 ekar bagi tanaman tembikai, ubi keledek, timun batang dan labu.

Seterusnya, 18.87 ekar projek fertigasi, 20 ekar tanaman bawang, 10 ekar harumanis di Bachok serta 28 ekar Gual Ipoh Agro Farm yang memfokuskan tanaman fertigasi, jagung, labu manis, bawang, selain ternakan ayam telur dan ayam saga MARDI.

Tegasnya, usaha berkenaan mampu memulihkan tanah tidak produktif dan mencerminkan pendekatan menyeluruh kerajaan negeri dalam memperkasa ekonomi tani melalui pembangunan strategik, inklusif dan berdaya saing.

“Ini adalah pelaburan masa depan Kelantan dalam memastikan ketersediaan makanan, meningkatkan pendapatan rakyat, dan memaksimumkan potensi aset negeri dengan keberkatan serta kemampuan,” katanya.

Kelantan catat peningkatan pelaburan perkilangan RM1.7 bilion pada 2024

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 November — Kelantan mencatat perkembangan memberangsangkan dalam sektor pelaburan perkilangan pada tahun 2024 dengan jumlah keseluruhan modal pelaburan yang diluluskan mencecah RM1.7 bilion.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata jumlah itu meningkat sebanyak RM1.5 bilion atau 90.2 peratus berbanding RM0.2 bilion pada 2023.

Menurutnya daripada jumlah tersebut, RM1.2 bilion merupakan pelaburan perkilangan domestik manakala pelaburan perkilangan asing mencatatkan RM492.8 juta.

“Ini menunjukkan ekonomi Kelantan berada dalam keadaan teguh dan stabil. Kerajaan negeri yakin bahawa menjelang 2026,

Kelantan mampu memacu peningkatan ekonomi serta berdaya tahan menghadapi ketidakpastian ekonomi global.”

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan Kelantan 2026 pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025 di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menteri Besar turut menekankan bahawa kestabilan ekonomi negeri dapat dicapai melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama seperti naik taraf jalan sedia ada kepada jalan berkembar empat lorong di Rantau Panjang, naik taraf landasan kereta api Pasir Mas–Rantau Panjang.

“Selain itu, naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, projek



jalan utama Kubang Kerian–Bachok dan Pasir Mas–Salor, sistem saliran Bandar Baru Tunjong, projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Mukim Tiong dan Mukim Jelutong, sistem Bekalan Air Luar Bandar di Pasir Mas, projek Loji Rawatan Air (LRA) Machang serta pelaksanaan Program Air Tidak Berhasil (NRW) dijangka mampu merencanakan dan menstabilkan ekonomi negeri Kelantan,” ujarn-

ya.

Tambahnya, kerajaan negeri berharap lebih banyak projek baharu dalam sektor pertanian dan pelancongan dapat diberi perhatian di bawah fasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Termasuk pelaksanaan segera Lebuh raya Pantai Timur 3 (LPT 3). Projek-projek yang sedang dibina juga diharapkan dapat disiapkan segera demi kepentingan rakyat.

Diskaun bayaran 90 peratus cukai tanah



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 November – Kerajaan Negeri Kelantan mengumumkan pemberian diskaun sebanyak 90 peratus ke atas tunggakan denda cukai tanah bagi tempoh sebulan bermula 1 Disember hingga 30 Disember 2025.

Pengumuman itu dibuat Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud ketika membentangkan Belanjawan Negeri Kelantan 2026, hari ini.

Menurutnya, langkah itu mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri dalam membantu rak-

yat meringankan beban kewangan serta menggalakkan penyelesaian tunggakan cukai tanah sebelum berakhirnya tahun kewangan.

“Sebagai sebuah kerajaan negeri yang prihatin dan sentiasa meletakkan kebajikan rakyat sebagai keutamaan, bahawa dengan ini saya mengumumkan pemberian

diskaun sebanyak 90 peratus ke atas tunggakan denda cukai tanah kepada seluruh rakyat negeri Kelantan,” katanya.

Tambahnya, diskaun tersebut akan dilaksanakan tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2025.



Kerajaan Negeri komited kembalikan kegemilangan bola sepak Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 9 November – Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited serta berpandangan jauh dalam usaha mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak negeri yang suatu ketika dahulu menjadi kebanggaan rakyat Kelantan dan peminat sukan tanah air.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, secara asasnya pengurusan bola sepak negeri berada di bawah Kelantan Football Association (KAFA) yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) serta bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

“Kerajaan Negeri memahami isu yang sedang dihadapi KAFA dan tidak pernah berdiam diri. Pelbagai langkah serta usaha strategik telah diambil bagi memperkukuh ekosistem bola sepak negeri, sama ada di peringkat dasar, akar umbi mahupun melalui kolaborasi bersama sektor swasta dan akademik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Azhar Salleh pada Hari Kedua Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 tahun 2025, hari ini.



Menurutnya, beliau telah mengadakan pertemuan bersama Pesuruhjaya Sukan di Bukit Jalil pada 7 Oktober lalu bagi membincangkan secara menyeluruh isu berkaitan status KAFA yang kini digantung oleh FAM.

“Saya telah menerima pandangan serta ulasan daripada PJS dan In Shaa Allah akan ada penyelesaian. Kerajaan Negeri juga telah menghantar surat rasmi kepada pihak berkaitan mengenai isu serta cadangan penyelesaian bagi membantu merungkai kemelut KAFA,” jelasnya.

Dalam masa sama, Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) turut melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi.

Antaranya termasuk penganjuran Liga Elit DUN (LED) yang telah berlangsung sejak lebih 30

tahun. Bagi tahun 2025, sebanyak 458 pasukan daripada 45 DUN menyertai pertandingan ini, melibatkan 10,534 pemain dan 2,290 pegawai berdaftar.

“Liga ini bukan sahaja platform pembangunan bakat belia, malah menjadi mekanisme pemilihan rasmi bagi menentukan wakil pasukan ke Piala Menteri Besar Kelantan,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa Piala Menteri Besar Kelantan kini sedang berlangsung di peringkat kalah mati dengan penyertaan 48 pasukan melibatkan 45 johan LED setiap DUN, satu pasukan Orang Asli, satu pasukan kaum Siam serta satu pasukan Kessuma YIK.

Selain itu, kerajaan negeri juga menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada persatuan serta kelab bola sepak tempatan berdasarkan permohonan dan keperluan sama-

sa termasuk aspek logistik, fasiliti dan insentif penyertaan pertandingan.

YB Zamakhshari berkata, kerajaan turut menyokong pelbagai inisiatif komuniti dan sektor swasta seperti perlawanan Ex-Treble Kelantan, Liga Tumpat dan Liga Siam yang menjadi wadah penyertaan masyarakat dalam sukan bola sepak.

“Kerajaan Negeri juga memberi sokongan kepada kelab tempatan baharu seperti Kelantan The Real Warrior FC yang beraksi di Liga Super, Kelantan Red Warrior FC yang bertanding di Liga A1 dan AZM Rovers FC di Liga A2,” katanya.

Tambahnya, kerajaan turut membantu pertumbuhan akademi bola sepak dan kelab-kelab tempatan bagi memperkukuh pembangunan sukan bola sepak negeri secara menyeluruh.



Liputan 5G di Kelantan capai 67 peratus, 232 tapak pemancar siap dibina



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 6 November – Sebanyak 232 menara pemancar 5G telah dibina di negeri Kelantan, sekali gus memberikan liputan 5G kepada 67 peratus kawasan berpenduduk, kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi,

YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Beliau memaklumkan, sebanyak 109 tapak telah dinaik taraf oleh syarikat U Mobile Sdn. Bhd. kepada liputan 5G sejak mula beroperasi pada 14 Julai tahun ini. Setakat ini, terdapat 225 pemancar telah beroperasi di kawasan berpenduduk, manakala 66 lagi masih dalam pemantauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran, YB Mohd Adanan Hassan, pada Persidangan Ketiga Belanjawan bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Ke-15 Tahun 2025 hari ini.

Menurut beliau, penilaian jurang capaian 5G dibuat berdasar-

kan kepadatan penduduk. Sebagai contoh, di jajahan Kota Bharu yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi, satu kawasan liputan 5G boleh meliputi sehingga 200 orang, manakala di Gua Musang liputan yang sama hanya melibatkan sekitar 10 orang penduduk.

“Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang capaian antara kawasan berpenduduk padat dan kawasan yang kurang penduduk,” katanya ketika menjawab soalan tambahan berhubung perbezaan capaian 5G berdasarkan kepadatan penduduk.



Kelantan wujudkan zon pelancongan berasaskan produk tempatan



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 9 November – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh sektor agro pelancongan dengan mewujudkan zon pelancongan berasaskan produk tempatan bagi menjadikan negeri ini sebagai destinasi utama pelancongan tani di Pantai Timur.

EXCO Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan zon pelancongan berasaskan hasil seperti jagung, ubi, tembikai, nenas dan hasil laut berpotensi be-

sar menarik pelancong domestik serta antarabangsa.

Menurut beliau, inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta pihak berkuasa tempatan bagi menggabungkan kekuatan sektor pertanian dan pelancongan.

“Selain memperkenalkan hasil tani sebagai tarikan baharu, usaha ini turut membantu memperkukuh ekonomi luar bandar melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan

komuniti setempat,” katanya ketika menjawab soalan daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang, YB Harun Ismail pada Persidangan Kali Ketiga Dewan (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Antara kawasan tumpuan termasuk Kuala Balah, Jeli sebagai hab utama penanaman jagung dan Kampung Paloh, Tanah Merah yang menerima peruntukan lebih RM500 ribu bagi projek komuniti tanaman kontan. Zon ubi pula tertumpu di Bachok dan Pasir Puteh dengan keluasan hampir 700 hek-

tar, manakala Bachok turut menjadi pengeluar utama tembikai negeri dengan keluasan lebih 1,200 hektar.

Selain itu, Ayer Lanas, Jeli dikenal pasti sebagai zon utama tanaman nenas, manakala LKIM Geting, Tumpat dan LKIM Tok Bali, Pasir Puteh dibangunkan sebagai pusat pendaratan hasil laut serta lokasi Festival Hasil Laut Kelantan. Kerajaan negeri turut membangunkan zon agro-akuakultur dan eko-pelancongan seperti Santuari Ikan Sungai Chalil di Gua Musang, FMC Kelah Eco Park di Kuala Krai, dan Zon Akuakultur Danau To' Uban di Pasir Mas.



Empangan Nenggiri bawa pelbagai manfaat buat negeri

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 6 November – Pembinaan Empangan Nenggiri dijangka membawa pelbagai faedah dan manfaat strategik kepada negeri Kelantan, sekali gus merencanakan pembangunan ekonomi setempat serta membuka peluang baharu dalam pelbagai sektor.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Dato' Mejar (B) Md Anizam Rahman berkata, kawasan sekitar empangan tersebut berpotensi besar dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan berikutan prasarana dan infrastruktur yang telah dibangunkan di kawasan tersebut.

"Empangan itu turut memberikan kelebihan melalui penjanaan

tenaga solar menerusi projek solar terapung yang akan dilaksanakan di permukaan tasik empangan sebaik ia siap sepenuhnya," katanya ketika berucap pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025, hari ini.

Menurutnya, kewujudan empangan itu memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan dan akan mewujudkan kelompok komuniti yang mengoperasikan kawasan Nenggiri.

"Ini secara tidak langsung mengaktifkan kitaran ekonomi baharu dan membuka ruang kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lebih berdaya saing," jelasnya.



Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa perkembangan ekonomi berasaskan tasik seperti penternakan dan pelaksanaan zon ekonomi akuakultur turut berpotensi digerakkan, sekali gus dapat meningkatkan sumber pendapatan penduduk setempat.

Tambahnya, sistem pengairan di kawasan berkenaan juga akan dipertingkatkan secara lebih sistematik dan manfaatnya boleh dikembangkan kepada sektor pertanian serta penternakan melalui integrasi kemudahan bekalan air yang lebih efisien.

Pembeli emas mentah di Kelantan diwajibkan miliki lesen



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 November – Pembeli emas mentah di negeri Kelantan diwajibkan memiliki lesen membeli emas mentah yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan urusan niaga dijalankan secara sah dan teratur, kata Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan.

Menurutnya, perkara itu ditetapkan di bawah Enakmen Urusan Emas Mentah 1991, yang menjadi dasar utama pengawalan aktiviti penjualan emas mentah di negeri ini.

"Setiap pembeli emas mentah perlu memiliki lesen sah yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan. Langkah ini penting bagi memastikan segala urusan jual beli emas mentah dilakukan dengan telus dan mematuhi undang-undang sedia ada."

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato' Abdul Hadi Awang Kechil pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, pemantauan terhadap proses pemprosesan emas mentah turut dijalankan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) melalui prosedur operasi standard operating procedur (SOP) yang meliputi semua peringkat, termasuk pengeluaran, pengasingan, pembakaran dan penentuan kualiti jongkong emas.

"Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa kerja-kerja perlombongan, agensi seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengambil tindakan sewajarnya di bawah peruntukan undang-undang

masing-masing.

"Mana-mana pihak yang melanggar syarat dalam lesen di bawah Enakmen Mineral 2001 pula boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan," jelasnya.

Katanya lagi, langkah-langkah kawalan tersebut menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan aktiviti perlombongan dan pemprosesan emas dijalankan secara bertanggungjawab, telus dan mematuhi aspek kelestarian alam sekitar.



Belanjawan Kelantan cerminan pentadbiran Islam adil, saksama - Dato' Abdul Rahman



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 9 November - Usul belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud pada Persidangan Kali Ketiga Dewan Negeri Kelantan Penggal Ketiga (Belanjawan) telah mendapat sokongan penuh

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Tumboh YB Dato' Abdul Rahman Yunus.

Dalam ucapan perbahasannya, beliau menegaskan bahawa belanjawan tersebut bukan sekadar penyata kewangan tahunan, sebaliknya mewakili prinsip pentadbiran yang adil dan berintegriti.

"Belanjawan ini bukan sekadar

dokumen kewangan tetapi manifestasi kepada pentadbiran Islam yang adil, berintegriti dan berorientasikan kesejahteraan rakyat," katanya di Kompleks Pentadbiran Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau turut menekankan keperluan agihan pembangunan yang lebih seimbang oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua negeri di Malaysia tanpa mempengaruhi sentimen politik.

"Keadilan dan pengagihan peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri mestilah dilaksanakan dengan saksama tanpa mengira perbezaan politik," tegasnya.

Menurutnya, prinsip federalisme menuntut agar setiap wilayah diberikan layanan yang adil, kerana pembangunan negeri memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Dalam perbahasan itu juga Dato' Abdul Rahman turut menyatakan sokongan penuh terhadap pembangunan Bandar Baru Tunjong, yang merupakan antara projek strategik dalam agenda pembangunan negeri.

Katanya, projek tersebut perlu direalisasikan dengan skala lebih menyeluruh dan bukan sekadar sebagai pusat komersial.

"Bandar Baru Tunjong mesti direalisasikan bukan semata-mata sebagai pusat komersial moden tetapi sebagai bandar seimbang berteraskan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang harmoni," jelasnya.

Beliau berpandangan bahawa pembangunan struktur bandar yang mampan mampu membuka lebih banyak peluang pelaburan, mencipta pekerjaan baharu dan menggerakkan aktiviti ekonomi rakyat setempat.

Kelantan disaran perkasa Majlis Halal Negeri Kelantan, pacu potensi jadi Hab Ekonomi Halal Pantai Timur

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 November – Kerajaan Negeri Kelantan disaran memperkukuh kedudukannya sebagai hab ekonomi halal utama di Pantai Timur dengan memperkasakan Majlis Halal Negeri Kelantan sebagai badan penyelaras utama dasar dan pelaksanaan industri halal di negeri ini.

Cadangan itu dikemukakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Chetok YB Zuraidin Abdullah dalam perbahasan Belanjawan Negeri Kelantan 2026.

Beliau mencadangkan perkara itu susulan potensi besar industri halal negara yang mencatatkan nilai eksport RM61.8 bilion pada tahun 2024, dengan sumbangan sektor halal dijangka meningkat kepada 11 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.

"Nilai pasaran halal Malaysia juga dianggarkan mencecah USD50.6 bilion (RM240 bilion). Ini memperlihatkan ruang luas un-

tuk diterokai secara lebih sistematik.

"Dalam konteks negeri Kelantan, potensi ini amat signifikan. Ini kerana ekonomi negeri terus berkembang pada kadar 3.6 peratus dengan nilai KDNK RM28.7 bilion, disokong kuat oleh sektor perkhidmatan 71.1 peratus dan pertanian 21.1 peratus.

"Kedua-dua sektor ini dilihat sebagai teras penting kepada pembangunan ekosistem halal negeri, terutama dalam bidang pertanian, pemprosesan makanan, logistik, pelancongan Islam dan keusahawanan kecil," jelasnya.

Katanya lagi, sub sektor pemprosesan makanan pula mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus pada 2024, manakala perdagangan rentas sempadan Kelantan-Thailand menyumbang RM6.6 bilion, menjadikan Kelantan berpotensi besar sebagai pintu masuk produk halal ke pasaran Pantai Timur.

"Bagi merealisasikan potensi ini, dicadangkan agar Majlis Ha-



lal Negeri Kelantan diperkasakan sebagai pusat sehenti yang menyelaras dasar antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi pusat dan sektor swasta, selain memantau pelaksanaan dan piawaian halal di seluruh Negeri," ujarnya.

YB Zuraidin turut mengesyorkan agar Hab Halal Kelantan dibangunkan di bandar-bandar sempadan strategik seperti Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli dan Tumpat, di samping memperkukuh hab halal sedia ada di Pasir Mas.

"Sebagai langkah promosi, dicadangkan juga pelancaran kempen "Kelantan Halal Gateway" bagi memperkenalkan dan memasarkan produk halal di bawah jenama negeri Kelantan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

"Cadangan ini dilihat mampu memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai pemain utama dalam industri halal negara, seterusnya menjana peluang ekonomi baharu kepada rakyat serta menyokong agenda pembangunan mampan negeri," huraikannya.

Sempadan Bukit Bunga–Buketa berpotensi jadi hab perdagangan, pelancongan antarabangsa

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 November – Kawasan sempadan Bukit Bunga–Buketa di jajahan Tanah Merah berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai hab perdagangan dan pelancongan antarabangsa hasil kedudukannya yang strategik bersempadan dengan Thailand.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizan Ab Rahman berkata, Bukit Bunga terletak di laluan utama yang menghubungkan bahagian timur dan barat Semenanjung Malaysia serta menjadi pintu masuk penting antara Malaysia dan Thailand melalui sempadan Bukit Bunga–Buketa.

Katanya, berdasarkan Rancangan Tempatan Jajahan Tanah Merah 2020 (Pelanjutan 2025), Bukit Bunga telah dikenal pasti sebagai kawasan promosi pembangunan pelancongan sempadan melibatkan kawasan seluas 143.40 hektar atau 10.30 peratus daripada keseluruhan kawasan Bukit Bunga.

“Kerajaan negeri memberi



penekanan kepada kawasan ini untuk memperkukuh peranannya sebagai pintu masuk utama ke negeri Kelantan amnya dan negara khususnya,” katanya semasa menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Bukit Bunga YB Mohd Almid Jaafer pada persidangan Dewan Negeri Kelantan hari ini.

Menurutnya, komponen pembangunan utama yang dirancang di kawasan promosi Bukit Bunga meliputi pelbagai sektor termasuk perdagangan, institusi, keselamatan, kemudahan awam dan rekreasi.

Antara projek yang dirancang dalam komponen kawasan perniagaan ialah pembinaan Kompl-

eks Niaga Bukit Bunga, kawasan rehat dan rawat (R&R) serta tempat letak kereta berpusat, Zon Bebas Cukai, kawasan pusat perniagaan, terminal pengangkutan bersepadu serta kawasan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bukit Bunga.

Bagi kawasan institusi dan kemudahan, antara yang dicadangkan termasuk Pusat Penerangan Pelancongan, masjid, pusat keselamatan pertama melibatkan naik taraf atau perpindahan Balai Polis sedia ada ke tapak baharu serta pembinaan Balai Bomba Bukit Bunga.

Turut dirancang ialah pusat keselamatan kedua yang menempatkan Pusat Kesihatan, Pengkalan UPP, Pusat Kuarantin dan Pang-

kalan Unit Keselamatan selain kemudahan kuarters kerajaan, asrama pekerja dan asrama pelajar.

Kemudahan lain yang dirancang termasuk pembinaan Perpustakaan Awam dan Dewan Serbaguna sebagai pusat tumpuan komuniti setempat.

Sementara itu, bagi kawasan lain-lain, perancangan turut meliputi penyediaan kawasan rekreasi seperti taman bandar dan taman linear, pembangunan sistem perhubungan serta sistem infrastruktur utama dan cadangan pengindahan imej bandar bagi memperkukuh identiti Bukit Bunga–Buketa sebagai bandar pelancongan sempadan.



PKINK-pemajak lombong perkukuh usahasama secara sah



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 November — Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

(PKINK) terus memperkukuh sektor perlombongan negeri dengan menjalankan beberapa usahasama pajakan melombong bersama syarikat-syarikat beroperasi secara sah.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, antara syarikat yang terlibat dalam kerjasama tersebut ialah CMNM Mining Group Sdn Bhd, Prima Warisan Ventures Sdn Bhd, Fortune Mineral Resources, Sri Damar Mind Trading Sdn Bhd, dan Uzi Gold Mining Sdn Bhd.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa memastikan semua syarikat berkenaan mematuhi peraturan dan garis panduan perlombongan yang ditetapkan.

“Langkah ini bertujuan memastikan setiap operasi dijalankan dengan penuh tanggungjawab, di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri serta kesejahteraan komuniti setempat.

“Selain itu, pemantauan berterusan turut dijalankan bagi memastikan aktiviti perlombongan di negeri ini dilaksanakan secara selamat, mampan dan selaras dengan piawain alam sekitar.”

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Galas YB Dato' Mohd Shah budin Hashim, pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ketiga hari ini.

Kerajaan negeri komited untuk memastikan sektor perlombongan terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi Kelantan tanpa menjejaskan keseimbangan alam sekitar dan kepentingan rakyat.

PBT perketat tindakan banteras isu anjing liar di Kelantan

Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 10 November – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri mempergiat usaha membanteras masalah haiwan liar, khususnya anjing berkeliaran, melalui pelaksanaan undang-undang sedia ada di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Binatang 1953.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, PBT mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan berdasarkan Seksyen 73 dan Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang membolehkan majlis menggubal undang-undang kecil bagi mengawal haiwan yang berkeliaran di tempat awam.

Tambahnya, Seksyen 80 akta yang sama turut memberi kuasa kepada PBT untuk mengeluarkan notis kepada pemilik haiwan supaya tidak membiarkan haiwan

mereka merayau bebas. Kegagalan mematuhi notis tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

“PBT juga melaksanakan penguatkuasaan melalui Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau-Rayau dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing, yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk menangkap, menyita serta mengenakan kompaun atau denda terhadap pemilik haiwan yang cuai,

Selain itu, penguatkuasaan pelesenan anjing sedang giat dijalankan di seluruh negeri dengan kadar bayaran sebanyak RM20 bagi lesen dan RM10 bagi lencana besi,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor, YB Saizol Ismail, pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Ke-15 Tahun 2025 di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.



Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVKN) turut memainkan peranan penting dalam menangani masalah haiwan liar, khususnya anjing yang dijangkiti penyakit berbahaya seperti rabies.

Tindakan ini dilaksanakan mengikut peruntukan Seksyen 32 hingga 42 Akta Binatang 1953, yang memperuntukkan kawalan terhadap penyakit zoonosis, iaitu penyakit yang boleh merebak dari haiwan kepada manusia.

Bagi memastikan keselamatan awam, Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Rabies (tembakan) turut dijalankan secara berkala melibatkan semua PBT di negeri Kelantan sebagai langkah pencegahan dan kawalan berterusan terhadap penularan penyakit tersebut.

Langkah tegas ini mencerminkan komitmen berterusan pihak berkuasa dalam memastikan kebersihan, keselamatan serta kesejahteraan masyarakat setempat sentiasa terpelihara.

Kelantan perkukuh kerjasama strategik dengan JPP, pastikan projek RMK-12 capai matlamat



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 10 November - Kerajaan Negeri Kelantan memperkukuhkan kerjasama strategik dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) bagi memastikan setiap projek pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) berjalan mengikut jadual dan mencapai matlamat kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz

Dato' Mohd Nassuruddin Daud menjelaskan demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADN) Chetok YB Zuraidin Abdullah pada Persidangan Dewan Negeri Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Ke-15, pada hari ketiga, hari ini.

Menurutnya, pendekatan utama kerajaan negeri ialah penyelarasan rapi dan pemantauan berfasa melalui beberapa platform mesyuarat strategik yang melibatkan Kerajaan Negeri, JPP serta agensi pelaksana.

na.

“Setiap projek pembangunan dipantau secara berstruktur melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNG) yang saya pengerusikan sendiri. Mesyuarat ini menjadi medan penyelarasan keputusan penting antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan,” jelasnya.

Selain itu, pemantauan turut diperkukuhkan melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNG) yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) dipengerusikan Ketua Jajahan, dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang turut dipengerusikan Menteri Besar pada peringkat negeri.

Ujarnya, mekanisme ini membolehkan isu berkaitan pelaksanaan projek diselesaikan segera melalui tindakan rentas agensi.

Mengulas mengenai prestasi

projek di bawah RMK-12, Menteri Besar menegaskan bahawa Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) menjadi agensi penyelarasan utama dalam memastikan kemajuan projek sentiasa dikemas kini.

“Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi terhadap projek yang lewat. UPEN akan memanggil mesyuarat portfolio atau mesyuarat khas bagi meneliti isu dan mengambil tindakan pembedaan segera,” tegasnya.

Tambahnya, keutamaan kerajaan negeri ialah memastikan rakyat merasai manfaat pembangunan secara langsung, khususnya dalam penyediaan prasarana, peluang pelaburan dan peningkatan kecekapan perkhidmatan.

“Kerjasama erat dengan JPP bukan hanya soal koordinasi, tetapi memastikan hasil pembangunan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Itu adalah komitmen kita,” ujarnya.

Kelantan sediakan pelbagai bantuan untuk nelayan, petani dan peniaga kecil

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 10 November – Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk membantu para nelayan, petani dan peniaga-peniaga kecil dengan menyediakan pelbagai sokongan dan bantuan kepada golongan mereka.

Menjawab soalan daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok telah melancarkan Pelan Strategik 2025–2030 pada 14 Ogos lalu.

Menurutnya, pelan tersebut merangkumi beberapa teras strategik, termasuk pembangunan zon pelancongan berasaskan potensi produk tempatan.

“Di bawah teras kedua, antara usaha yang ditekankan ialah memacu pembangunan seimbang dan mampan melalui pengukuhan pelancongan komuniti yang mana



nelayan digalakkan menghasilkan produk sampingan seperti keropok lekor, ikan kering, belacan serta pelbagai hasil laut yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan mereka.”

Demikian menurut YB Dato' Tuan Mohd Saripudin di Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025, hari ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa golongan petani dan peniaga kecil tidak terkecuali daripada menerima perhatian kerajaan. Selain bantuan dari Jabatan Perikanan

Negeri Kelantan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), sokongan turut disalurkan melalui Exco Usahawan, Exco Belia, Exco Wanita, serta program jaringan pasaran desa di bawah portfolio pertanian dan kesemuanya diselenggarakan melalui Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan (MPUK).

Sementara itu, menurut beliau juga peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) boleh memohon pelbagai bentuk bantuan termasuk input pertanian, input perikanan, mesin penghasilan produk, kemudahan pembungkusan dan pelabe-

lan.

Bagi nelayan di Bachok dan Pasir Puteh yang turut mengusahakan pertanian, terutama pada musim Monsun Timur Laut, kerajaan negeri menyediakan sokongan tambahan melalui program Pembangunan Industri Buah-buahan, sayur-sayuran, Usahawan Tani serta pembangunan tanah terbiar.

Menurutnya, kerajaan negeri sentiasa berusaha menjaga kebajikan dan keperluan petani, peniaga, nelayan serta pesawah, termasuk menyediakan bantuan input yang dapat meningkatkan kualiti dan nilai produk yang dihasilkan.

Tuisyen Rakyat Sejahtera 2025: Penyertaan pelajar meningkat 74 peratus, peruntukan bertambah 41.5 peratus



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, — Penyertaan pelajar dalam program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan mencatat peningkatan ketara sebanyak 74 peratus pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi, Inovasi dan Digital YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan perkara itu ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADN) Jelawat YB Zameri Mat Nawang

pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Tempoh Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut Dato' Wan Roslan, pelaksanaan program tuisyen yang mula diperkenalkan pada 2024 itu memberi tumpuan kepada empat subjek teras Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang membabitkan 2,604 pelajar pada tahun 2025.

“Jumlahnya meningkat 74 peratus berbanding 1,495 pelajar sahaja

pada tahun 2024. Peruntukan juga bertambah daripada RM477,000 pada 2024 kepada RM675,000 atau 41.5 peratus pada 2025. Bagi memastikan capaian lebih luas dan pembelajaran lebih berkesan. Setiap Dewan Undangan Negeri kini mempunyai dua kelas berbanding satu kelas sebelum ini,” jelasnya.

Katanya lagi, peningkatan penyertaan pelajar itu selari dengan peningkatan prestasi akademik negeri Kelantan, yang terserlah melalui keputusan SPM negeri

meningkat daripada 95.08 peratus pada 2023 kepada 95.99 peratus pada 2024, mencatat kenaikan 0.91 peratus.

Beliau juga menekankan bahawa program Tuisyen Rakyat Sejahtera bertujuan meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan memastikan peluang pendidikan lebih saksama bagi seluruh pelajar di negeri ini.

“Program ini membolehkan pelajar daripada pelbagai latar belakang mendapat sokongan tambahan untuk menguasai subjek teras, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka menghadapi peperiksaan,” ujarinya.

Tambahnya, kerajaan negeri komited meneruskan pelaksanaan program berkenaan dengan penambahbaikan berterusan bagi memastikan impak positifnya dirasai secara menyeluruh oleh pelajar dan ibu bapa.



Sambutan hari kebesaran Islam kukuhkan syiar Islam, bina jati diri umat

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 November – Sambutan hari kebesaran Islam anjuran Kerajaan Negeri Kelantan pada setiap tahun memberi kesan besar terhadap pembinaan jati diri umat serta pengukuhan syiar Islam dalam masyarakat.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata penganjuran program sambutan tersebut berperanan penting dalam memperkukuh syiar Islam serta menyemarakkan rasa cinta terhadap syariat.

“Dari sudut dakwah dan tarbiah, pelaksanaan program ini memberi peluang untuk menyebarkan ilmu, kefahaman serta penghayatan ajaran Islam kepada seluruh rakyat Kelantan.”

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang, YB Zubir Abu Bakar, pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ketiga, hari ini.

Menurutnya, hasil pelaksanaan program dakwah seperti itu dapat dilihat melalui suasana kehidu-



pan masyarakat Islam di Kelantan yang berbeza dengan negeri-negeri lain.

“Alhamdulillah, selepas 35 tahun Kelantan ditadbir berasaskan dasar Membangun Bersama Islam, kita dapat lihat perubahan ketara dalam masyarakat. Contohnya, iklan di papan iklan (billboard) di negeri ini tertakluk kepada garis panduan syariah. Contohnya, iklan syampu tidak boleh memaparkan rambut wanita, berbeza dengan tempat lain,” ujarnya.

Tambahnya, masyarakat Kelantan kini lebih peka terhadap perkara yang bercanggah dengan syariat, termasuk dalam menghiasi rumah dengan gambar khat berbanding gambar binatang atau patung.

“Ini membuktikan Kelantan mempunyai garis panduan dan kes-

edaran hasil daripada program-program sambutan hari kebesaran Islam yang dilaksanakan kerajaan negeri,” katanya.

Dari sudut tarbiah, jelas beliau, program sebegini mampu mendidik jiwa masyarakat agar membina kekuatan rohani dan semangat mempertahankan Islam.

Sebagai contoh, melalui program Hubbun Nabi SAW, rakyat diberi pendedahan tentang kepentingan menghayati sunnah Rasulullah SAW dan melaksanakan segala perintah baginda dalam kehidupan seharian.

“Program seperti ini membangkitkan semangat rakyat untuk menjadi umat yang mengutamakan pelaksanaan syariat dalam kehidupan,” katanya.

Mengimbaz sejarah, YB Mohd

Asri berkata ketika pemerintahan Sultan Salahuddin al-Ayubi, amalan memperingati kebesaran Islam seperti Hubbun Nabi SAW turut dihidupkan, dan dua tahun selepas itu umat Islam berjaya membebaskan Baitulmaqdis.

“Jadi, setiap sambutan hari kebesaran Islam seperti Hari Wukuf, Hari Mabit dan lain-lain mempunyai kesan mendalam dalam mendidik umat supaya bersatu padu serta mengekalkan persefahaman antara satu sama lain,” jelasnya.

Katanya lagi, kerajaan negeri akan terus menjadikan sambutan hari kebesaran Islam sebagai wadah dakwah dan tarbiah dalam memperkukuh pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam demi kesejahteraan rakyat dan kemuliaan agama.

Bantuan Rumah Dhuafa’ bertambah dari tiga unit kepada empat unit setahun



Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 10 November – Bermula tahun 2019, kerajaan negeri telah melancarkan Bantuan Rumah Dhuafa’ kepada golongan miskin bagi membantu mereka membina rumah baharu atau membaik pulih rumah sedia ada.

Usaha tersebut diteruskan lagi

dengan meningkatkan jumlah pembinaan Rumah Dhuafa’ daripada tiga kepada empat unit bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk setiap tahun, sebagai usaha memperluas bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Demikian menurut Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah dalam sesi penggulangan, pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya lagi, bagi tempoh lima tahun kebelakang iaitu bermula tahun 2020 hingga 2025, kerajaan negeri telah berjaya mem-

bina sebanyak 3,528 buah rumah. Jumlah tersebut merangkumi 676 unit rumah bina baharu dan 2,850 unit rumah baik pulih, yang memberi manfaat besar kepada rakyat berpendapatan rendah di seluruh negeri.

Tambahnya,, bagi Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) pula, kerajaan negeri telah memperkenalkan dasar perumahan baharu pada tahun 2025, yang melibatkan dua kategori utama iaitu Baitul Ilmi bagi rumah bernilai antara RM70,000 hingga RM180,000. Manakala Baitul Raudah untuk rumah bernilai antara RM180,000 hingga RM250,000.

“Bagi memudahkan pemilikan rumah, kerajaan negeri memperkenalkan kaedah Sewa Untuk Pemi-

likan yang memberi tumpuan kepada kumpulan B40 dan M40.

Melalui kaedah ini, rakyat akan melalui tempoh lima tahun pertama sebagai penyewa, diikuti tawaran pembelian selama 10 tahun, sebelum diberikan tawaran pemilikan penuh pada tempoh 15 tahun terakhir,” jelasnya.

Dalam masa yang sama, YB Hilmi turut mencadangkan agar kursus pengurusan kewangan diperkenalkan kepada rakyat, khususnya golongan peniaga dan mereka yang bekerja sendiri. Katanya, langkah ini penting bagi membantu meningkatkan kebolehpayaan rakyat mendapatkan kelulusan pinjaman perumahan di bawah skim yang ditawarkan kerajaan negeri.

Kelantan rangka Dasar Sukan Mesra Islam, capai 40 peratus kemajuan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 November — Kerajaan Negeri Kelantan sedang merangka Dasar Sukan Mesra Islam dengan kerjasama pakar-pakar dari Universiti Malaya (UM) bagi memastikan pelaksanaan aktiviti sukan di negeri itu selaras dengan tuntutan syariah.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, dasar berkenaan kini mencapai 40 peratus kemajuan dengan pelaksanaan dilakukan secara berfasa melibatkan pakar dalam pelbagai bidang termasuk agama, sains sukan dan perubatan.

Beliau berkata, majlis pertukaran dokumen Memorandum Perjanjian (MoA) antara kerajaan negeri dan UM telah diadakan pada 29 Mei lepas bagi memulakan usaha tersebut secara rasmi.

“Pakar-pakar ini melihat pelbagai aspek dalam sukan bagi

memastikan ia memenuhi prinsip Islam. Setakat Oktober 2025, pelbagai pelaksanaan telah dibuat dan kami kini berada pada tahap 40 peratus siap.”

Beliau berkata demikian dalam sesi penggulangan, pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ketiga hari ini.

Katanya lagi, fasa pertama pembangunan dasar itu telah diadakan pada 6 Februari lalu, melibatkan perbincangan dengan ahli akademik, pengamal sukan dan agensi kerajaan yang memberi tumpuan kepada isu pakaian atlet, pengasingan ruang serta penjadualan aktiviti sukan bagi menghormati waktu ibadah.

“Fasa kedua pula dilaksanakan pada 17 April 2025 melalui sesi perbincangan kumpulan fokus di Kota Bharu yang turut disertai at-



let, jurulatih dan wakil agensi kerajaan.

“Antara cadangan utama yang dibincangkan ialah inovasi pakaian sukan patuh syariah, satu cabaran penting bagi Kelantan sebagai tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) 2028,” katanya.

Selain itu, katanya, kempen kesedaran masyarakat dan penyediaan fasiliti mesra ibadah turut menjadi sebahagian daripada agenda utama dasar tersebut.

Menurut Zamakhshari, pada

Ogos 2025, satu kajian khas turut dijalankan dengan merujuk model penganjuran Sukan Patuh Syariah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berjaya melaksanakan pengasingan jantina dan pematuhan aurat tanpa menjejaskan prestasi atlet.

“Insya-Allah hujung minggu ini, pasukan pakar akan ke Riyadh bagi menjalankan kajian terhadap Islamic Solidarity Games untuk mendapatkan maklumat tambahan,” katanya.

MPPOK, PPO perkukuh kesejahteraan OKU Negeri Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 November — Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh kesejahteraan orang kurang upaya (OKU) melalui kerjasama antara Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) dan Penyelaras OKU Parlimen (PPO), bersama pelbagai agensi kerajaan negeri.

Menjawab kepada soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang YB Harun Ismail pada Persidangan Dewan Negeri Kelantan kali

ketiga bagi tempoh penggal yang ketiga, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim menyatakan rasa syukur kerana peruntukan bagi bantuan dan komuniti OKU dalam belanjawan negeri 2026 meningkat daripada RM500,000 tahun lepas kepada RM600,000 tahun ini.

“Bagi menjamin keberkesanan program, kerjasama padu diwujudkan antara kerajaan negeri dan Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) yang melibatkan pelbagai NGO OKU. Usaha ini tidak berhenti dari kalangan Penyelaras Pembangunan OKU Parlimen serta agensi utama kerajaan. JKM dan U-KeKWa telah menunjukkan kesan positif yang ketara terhadap kesejahteraan komuniti OKU di negeri ini,” jelasnya.

Menurutnya lagi, dari segi penyertaan dan kesedaran masyarakat, data JKM menunjukkan Kelantan mencatatkan antara jumlah pendaftaran OKU tertinggi den-

gan 59,277 orang sehingga kini.

“Kesedaran rakyat terhadap kepentingan pendaftaran meningkat hasil advokasi MPPOK, PPO dan kerjasama semua pihak” jelasnya.

Dalam aspek pembangunan jati diri dan spiritual pula, pelbagai program telah dianjurkan termasuk kuliah dhuha, jelajah OKU imarah masjid, majlis berbuka puasa dan solat berjemaah OKU serta kelas Al-Quran dan Fardhu Ain. Program sebegini melahirkan peserta OKU yang lebih yakin, berilmu dan aktif dalam masyarakat.

Tambah Dato’ Rohani, bagi aspek pendidikan dan kepimpinan, kerjasama antara MPPOK dan agensi berkaitan membuka peluang OKU menambah kemahiran dan keterampilan kepimpinan, sekali gus melahirkan lebih ramai penggerak OKU berani tampil menjadi wakil penyelaras di peringkat masing-masing.

Sementara itu, dari aspek peluang pekerjaan dan ekonomi, MP-

POK dan PPO membantu OKU melalui program pemerkasaan ekonomi, termasuk penyediaan latihan, peralatan dan bimbingan keusahawanan bersama IPT dan badan korporat, supaya OKU mampu menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan bulanan.

Dalam hal dasar dan tadbir urus, penubuhan Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan (MPON) serta pelantikan penyelidik sebagai kumpulan pemikir dasar OKU Muqarrabun membuktikan keberkesanan perancangan dan pementauan bersepadu.

Hasilnya, Buku Fiqh Siasah OKU dijangka diterbitkan tahun hadapan bagi memenuhi keperluan OKU.

“Kesemua inisiatif ini menunjukkan kerajaan yang bukan hanya berbentuk kebajikan, tetapi juga pembangunan modal insan dan pemberdayaan OKU agar dapat berdikari dan menyumbang kembali kepada masyarakat” ujarinya.

Kelantan perkukuh agenda pelancongan, kebudayaan dan warisan negeri menjelang tahun 2026



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 10 November – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh sektor pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan melalui pelbagai inisiatif baharu bagi menjadikan negeri ini sebagai destinasi utama pelancongan di Pantai Timur menjelang tahun hadapan.

Berucap pada sesi penggulangan di Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 hari ini, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor, merakamkan penghargaan kepada YAB Menteri Besar Kelantan atas peruntukan

sebanyak RM7.6 juta kepada jawatankuasa berkenaan bagi tahun 2026, sekali gus memperkukuh usaha kerajaan negeri untuk memajukan industri pelancongan tempatan.

Beliau berkata, sektor pelancongan negeri menunjukkan perkembangan positif apabila mencatatkan kehadiran 11.5 juta pengunjung pada tahun 2024, dengan sasaran 12 juta pelancong ditetapkan bagi tahun 2025.

“Peningkatan jumlah pengunjung ini menunjukkan keyakinan pelancong terhadap Kelantan yang semakin dikenali sebagai destinasi menarik berasaskan budaya dan alam semula jadi,” katanya.

Dalam perkembangan lain, be-

liau memaklumkan bahawa syarikat penerbangan AirAsia sedang menimbangkan secara serius untuk menjadikan Kota Bharu sebagai hab penerbangan Timur Laut yang merangkumi laluan ke Thailand, Indochina, Filipina, Kemboja dan Vietnam.

“Langkah ini akan memberi limpahan besar kepada sektor pelancongan negeri memandangkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) kini merupakan lapangan terbang kedua tersibuk di Malaysia dan paling sibuk di Semenanjung, dengan purata 24 penerbangan setiap hari,” ujarnya.

Beliau turut memetik kenyataan Ketua Pengarah Malaysia Airports Berhad yang memaklumkan bahawa dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sahaja, LTSIP telah mengendalikan 1.3 juta penumpang. Justeru, katanya, cadangan menaik taraf lapangan terbang itu kepada status antarabangsa adalah langkah wajar bagi menampung pertambahan jumlah pelancong ke negeri ini.

Sementara itu, kerajaan negeri turut meninjau perkembangan projek Tasik Nenggiri di Gua Musang yang berpotensi dijadikan hab pelancongan baharu. Katanya, ker-

ajaan akan mengeluarkan Request For Proposal (RFP) kepada pihak swasta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di kawasan berkenaan.

Selain itu, penganjuran aktiviti luncur ombak di Pantai Kemasin akan diteruskan dengan skala lebih besar sempena musim tengkujuh tahun ini, sekali gus menjadikannya antara acara tahunan yang semakin mendapat sambutan pelancong dalam dan luar negeri.

Dalam masa sama, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut memperuntukkan RM4 juta bagi tahun 2024 dan 2025 untuk pembangunan pelancongan di Dabong, yang turut diiktiraf sebagai kawasan Geopark oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

“Dabong perlu bersedia sepenuhnya dengan kemudahan dan promosi mencukupi bagi menerima lebih ramai pelancong pada masa akan datang,” katanya.

Beliau yakin, dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif bersepadu ini, Kelantan akan terus muncul sebagai destinasi pelancongan berdaya saing, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.

1,102 menara komunikasi beroperasi di Kelantan

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 11 November – Terdapat 1,102 menara komunikasi berpermit yang beroperasi di negeri Kelantan sebagaimana rekod Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi (CIPM) yang dikawal oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Daripada jumlah tersebut, 990 menara dibina di atas tanah, manakala 112 lagi ditempatkan di atas bumbung bangunan, jelas Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir,



Yb Tuan Mohamad Nasriff Daud di Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025 di Kompleks Kota Darul Naim, hari ini.

Beliau turut memaklumkan bahawa fi (yuran) dan bayaran tahunan bagi sesebuah menara ada-

lah sebanyak RM2,750 yang merangkumi permit menara struktur sebanyak RM2,000 dan lesen perniagaan sebanyak RM750.

“Secara keseluruhan, anggaran hasil setahun yang diperolehi oleh kerajaan adalah sebanyak RM3,030,500 yang dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT),”

ujarnya.

Tambahnya,, kadar bayaran lesen penggunaan tanah yang digunakan untuk menara atau pun struktur telekomunikasi adalah sebanyak RM500 setahun bagi jenis tanah pertanian, manakala RM1,000 setahun bagi jenis tanah bangunan.



Beberapa projek pembangunan di Kelantan catat kemajuan positif

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 November – Beberapa projek pembangunan utama di Kelantan menunjukkan perkembangan positif dan dijangka memberi impak besar terhadap pertumbuhan ekonomi negeri.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman berkata antara projek yang mencatat kemajuan ketara ialah Taman Industri (IBS) Machang, yang kini siap 90 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada 4 April 2026.

“Kerja tanah sudah siap 100 peratus, kerja pembinaan mencapai 90 peratus manakala infrastruktur kini di tahap 76 peratus. Projek ini akan menjadi nadi baharu bagi pembangunan industri IBS di negeri ini.”

Beliau berkata demikian dalam sesi penggulungan pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan

Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari ketiga hari ini.

Katanya lagi, projek Bandar Perabot Gua Musang turut menunjukkan kemajuan apabila lawatan tapak telah diadakan pada 18 September 2025 yang disertai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Muhammad Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal bersama Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah serta wakil Majlis Daerah Gua Musang.

“Lawatan tersebut memberi tumpuan kepada penilaian Fasa 1 yang merangkumi kerja pembersihan tapak, penandaan sempadan dan pemasangan pagar.

“Mesyuarat susulan bersama pihak terlibat dijadualkan pada 16 November 2025 bagi membincangkan langkah seterusnya,” jelasnya.

Kerajaan negeri turut mengenal



pasti penemuan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di kawasan Bandar Dato' Bentara, Gua Musang, hasil kajian geologi dan penyelidikan sumber bumi yang dijalankan baru-baru ini.

“Penemuan dengan anggaran simpanan sebanyak 40,000 tan itu tertumpu di kawasan Panggong Lalat dan Ladang Paket, sekali gus membuka peluang ekonomi baharu kepada negeri.

“Susulan penemuan tersebut, kerajaan negeri kini sedang menguruskan perbincangan rasmi bagi pindaan Rancangan Tempatan Gua Musang 2020 (lanjutan 2025) serta pembangunan Rancangan Ka-

wasan Khas (RKK) bagi kawasan berkenaan,” ujarinya.

Bagi projek Madinah Assalam, beliau menjelaskan pembinaan 60 unit kedai satu tingkat di kawasan itu terpaksa ditamatkan kontrak pada 21 Mac 2024 selepas kontraktor tidak mampu meneruskan kerja berikutan kenaikan mendadak kos bahan binaan.

“Selain itu, kawasan tersebut merupakan tanah sawah rendah dan lembut yang memerlukan rawatan tanah lebih mahal daripada jangkaan awal. JKR sedang meneliti semula reka bentuk supaya lebih sesuai dengan keadaan tapak,” katanya.

Kelantan perkukuh profesionalisme penjawat awam selaras dengan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Nasional



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 November – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkukuhkan kecekapan dan profesionalisme penjawat awam negeri selaras dengan agenda Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Nasional.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata pelbagai langkah dan inisiatif strategik telah dilaksanakan bagi mening-

katkan keupayaan perkhidmatan awam negeri supaya kekal relevan dan berdaya saing.

Katanya, antara langkah-langkah tersebut ialah Pelan Operasi Latihan Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan 2025–2030 yang diterbitkan dan dilancarkan pada 8 Julai 2025 yang lalu.

Pelan Operasi Latihan Perkhidmatan Awam ini menjadi dokumen rujukan utama dalam merancang serta menyelaras pembangunan

kompetensi penjawat awam secara menyeluruh, sistematik dan berfokus.

“Kerajaan negeri menekankan pelaksanaan program latihan yang berstruktur dan berfokus, merangkumi aspek kepimpinan, pengurusan, perundangan, teknologi digital serta nilai integriti dan akauntabiliti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Semarak YB Norsham Sulaiman pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, di Kompleks Kota Darulnaim, hari keempat, hari ini.

Katanya lagi, bagi tahun ini, kerajaan negeri telah melaksanakan 93 program latihan berterusan melibatkan pelbagai skim perkhidmatan di bawah pentadbiran negeri dalam usaha meningkatkan kompe-

tensi penjawat awam.

“Selain itu, peranan Bahagian Pengurusan Pejabat Sumber Manusia amat penting dalam memacu agenda transformasi sumber manusia negeri, termasuk memastikan pembangunan kompetensi penjawat awam sejajar dengan aspirasi negeri dan keperluan perkhidmatan masa hadapan,” ujarinya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menegaskan bahawa tugas penjawat awam bukan hanya bersifat duniawi, bahkan turut menjadi amalan akhirat apabila dilaksanakan dengan niat yang ikhlas dan mengikut syariat Islam.

“Amalan yang nampak urusan dunia tetapi dilakukan dengan ikhlas serta menepati syarat-syarat yang dikehendaki Allah SWT turut dikira sebagai amalan akhirat. Ini termasuklah pegawai kerajaan yang memudahkan urusan rakyat dan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah,” jelasnya.

Kelantan anjur INFEX 2026 di KL, tarik pelabur baharu

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 11 November – Kerajaan Negeri Kelantan bakal menganjurkan Hari Pelaburan Kelantan@INFEX 2026 di Kuala Lumpur pada awal tahun hadapan sebagai usaha memperkukuh strategi pelaburan negeri dan menarik minat pelabur baharu.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman berkata program anjuran Bahagian Pelaburan Kelantan (Invest Kelantan) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) itu akan menjadi platform utama memperkenalkan potensi pelaburan serta peluang baharu di negeri ini.

"INFEX 2026 akan diadakan di Kuala Lumpur pada awal tahun 2026 dengan kerjasama MIDA untuk memberi pendedahan dan perkembangan terkini berkaitan



peluang-peluang pelaburan di negeri Kelantan," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Limbongan YB Nor Asilah Mohamed Zin, pada Persidangan Belanjawan Dewan Negeri Kelantan, hari keempat, hari ini.

Menurut Dato' Md Anizam, selain INFEX 2026, kerajaan negeri telah melaksanakan misi pelaburan antarabangsa, termasuk ke Jepun pada 27 Julai hingga 3 Ogos 2025 sempena Ekspo 2025 Osaka, dengan kerjasama MIDA dan ROHM Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.,

bagi menarik pelabur berpotensi melalui konsep Smart Partnership.

Katanya, bagi menambah tarikan pelaburan negeri, kerajaan negeri sedang membangunkan Taman Industri (IBS) Machang yang dilengkapi infrastruktur moden bagi menarik pelabur sektor perindustrian dan teknologi.

"Kerajaan negeri juga melalui Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) dan Bahagian Pelaburan Kelantan sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi daripada pusat



seperti MIDA, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) serta syarikat berkaitan GLC dan bertemu dengan pelabur-pelabur berpotensi untuk melabur di negeri ini," jelasnya.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa terbuka menerima setiap permohonan pelaburan yang dipohon oleh mana-mana pelabur tanpa terikat kepada sektor pelancongan dan industri halal sahaja, selaras dengan Rancangan Struktur Negeri 2040.

Kelantan perkukuh tindakan bendung wabak denggi dan penyakit berjangkit



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 11 November – Kerajaan Negeri Kelantan terus mempergiat langkah proaktif bagi membendung peningkatan kes demam denggi, leptospirosis dan penyakit berjangkit lain di negeri ini melalui tindakan bersepadu bersama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi berkaitan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah, berkata statistik semasa menunjukkan penurunan ketara dalam kes demam denggi di negeri ini. Sehingga 4



Oktober 2025, sebanyak 1,192 kes dilaporkan berbanding 2,510 kes dalam tempoh sama tahun lalu, iaitu penurunan sebanyak 52.51 peratus.

"Bagi tahun ini, tiada kes kematian akibat demam denggi direkodkan berbanding dua kes pada tahun lepas. Dari segi wabak pula, hanya 87 wabak denggi dilaporkan berbanding 161 wabak pada tahun 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 46 peratus," katanya ketika menjawab soalan dari Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Lama, YB Dr. Hafidzah Mustakim, pada Hari Keempat Persidangan Belanjawan Dewan Negeri Kelantan hari ini.

Menurut beliau, strategi utama

kerajaan negeri dalam membendung penularan denggi adalah melalui pendekatan source reduction, iaitu memastikan persekitaran sentiasa bersih serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes secara berterusan.

Antara langkah yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes, yang turut disertai dengan pelancaran Projek Pelepasan Nyamuk Aedes Berwolbachia di Bandar Baru Kubang Kerian. Ketika ini, terdapat tiga lokaliti pelepasan nyamuk Berwolbachia aktif di negeri Kelantan.

Selain itu, Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Bil. 2/2025 yang dijadualkan November ini dijangka meningkatkan semula kesedaran masyarakat terhadap ancaman denggi serta langkah-langkah pencegahannya.

Pada masa sama, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) turut melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersama Pejabat Ke-

sihatan Daerah (PKD) Kota Bharu bagi memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan awam seperti Pasar Siti Khadijah. Selain itu, aktiviti gotong-royong turut dijalankan di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi wabak di seluruh daerah dengan kerjasama JKNK dan komuniti setempat.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri akan terus memperkukuh kerjasama dengan semua agensi dan komuniti bagi memastikan usaha pencegahan denggi dapat dilaksanakan secara berterusan dan berkesan di seluruh negeri.

"Kerajaan negeri juga akan mempertingkatkan tahap kebersihan awam dengan menambah bilangan tempat pembuangan sampah di kawasan pinggir bandar serta meningkatkan jumlah lori pemungut sampah supaya penduduk tidak membuang sisa di kawasan belakang rumah yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," ujarnya.

Kewangan Kelantan stabil: Defisit menurun, pembalakan terendah lima tahun

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 11 November - Kelantan mengekalkan kedudukan kewangan yang stabil dengan defisit belanjawan yang semakin mengecil, mencatat kutipan hasil yang memberangsangkan dan merekodkan penggunaan kuota pembalakan terendah dalam tempoh lima tahun.

Timbalan Menteri Besar Kelantan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata demikian ketika sesi penggulungan Persidangan Dewan Negeri Kelantan bagi Kali Ketiga (Belanjawan), Penggal Ke-15, di sini, pada Isnin.

Katanya, Kelantan hampir mencapai sasaran hasil tahunan apabila kutipan sehingga 2024 mencatat RM907.88 juta, bersamaan 94 peratus pencapaian terhadap sasaran. Kerajaan negeri berkeyakinan mencapai 100 peratus kutipan hasil pada 2026.

“Penurunan defisit turut direkodkan pada tahun 2024 sebanyak RM178.49 juta berbanding RM93.02 juta sahaja pada tahun 2025. Sementara pada tahun 2026 dijangka mencapai jumlah RM86.20 juta. Penyusutan defisit

bermula tahun 2024 hingga tahun 2025 mencatat pengurangan 47.88 peratus, dan terus menurun kepada 7.33 peratus pada 2026. Akaun semasa negeri bagi tahun 2024 menunjukkan lebih RM10.92 juta,” jelasnya.

Antara terimaan bukan hasil yang menyokong kedudukan kewangan negeri ialah Wang Ehsan sebanyak RM238.87 juta, geran per kapita sebanyak RM28.39 juta dan pembiayaan kos pengurusan jabatan sebanyak RM33.41 juta.

Dato’ Dr. Mohamed Fadzli juga memaklumkan bahawa perbelanjaan mengurus bagi tahun 2026 diunjurkan meningkat kepada RM1.10 bilion, tambahan RM12.42 juta berbanding tahun 2025.

“Peningkatan ini didorong oleh pelarasan gaji dan elaun tahunan sebanyak 3 peratus, campur 7 peratus (SSPA), bayaran balik deposit kerajaan RM2 juta, dan peruntukan untuk program kesejahteraan rakyat dan pembangunan digital.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah pembinaan Rumah Dhuafat, Skim Mikro Usahawan, Program digital & AI, Marketplace Negeri, Tuisyen Rakyat Percuma serta Sukan dan pembangunan belia termasuk SUKMA ke-22.

Menurutnya lagi, Kerajaan Negeri juga melaksanakan strategi



pengukuhan hasil menerusi penguatkuasaan kutipan cukai tanah yang meningkatkan hasil RM13.74 juta pada 2024.

“Kemudahan pembayaran dalam talian melalui portal rasmi mencapai 18.11 peratus pada tahun 2024 Potongan denda serta kutipan di lokasi awam untuk memudahkan rakyat,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Kelantan mencatat rekod penggunaan kuota pembalakan paling rendah dalam tempoh lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

“Daripada keseluruhan kuota 19,500 hektar, hanya 5,305 hektar digunakan atau 27.2 peratus sahaja,” tegasnya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa perincian penggunaan kuota tahunan menunjukkan penurunan konsisten iaitu pada tahun 2021 sebanyak 1,277 hektar, tahun 2022 sebanyak 1,702 hek-

tar, pada tahun 2023 sebanyak 740 hektar.

Jumlah semakin merendah pada tahun 2024 sebanyak 846 hektar dan dalam anggaran 740 hektar sahaja pada tahun 2025.

“Sebanyak 14,195 hektar kekal tidak disentuh, membuktikan komitmen negeri terhadap kelestarian hutan dan pengurusan sumber semula jadi secara berhemah,” ujarnya.

Tambahnya, Kelantan memiliki 93 ketul jongkong emas seberat 1 kilogram setiap satu sebagai aset simpanan bernilai hampir RM51 juta berdasarkan harga semasa.

“Emas tersebut tidak dicairkan kerana menjadi sandaran pinjaman Kerajaan Persekutuan yang mensyaratkan jaminan aset bernilai seperti tanah atau emas. Simpanan aset tersebut tidak direkodkan dalam akaun kerajaan negeri kerana sistem perakaunan berasaskan tunai,” ujarnya.

Kelantan terap kefahaman Hubbul Watan kepada perantau



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 11 November – Anak-anak Kelantan di perantauan terus diterap dengan nilai cinta dan kasih terhadap negeri (Hubbul Watan) melalui pelbagai program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan.

Usaha tersebut bertujuan memastikannya sentiasa terhubung dengan tanah air serta menyokong



pembangunan negeri.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, pimpinan negeri sering mengadakan program di tempat yang mempunyai ramai anak-anak Kelantan di perantauan.

“Kerajaan negeri sentiasa berbilang alik di Kuala Lumpur, Sabah, Pahang, Sarawak, hampir semua

tempat yang ada anak Kelantan. Pimpinan kerajaan negeri termasuklah YAB Menteri Besar turun untuk bersama-sama anak Kelantan di perantauan,” katanya menjawab soalan ADN Dabong YBM Ku Mohd Zaki Hussin, pada Persidangan Dewan Negeri Kelantan, hari keempat hari ini.

Antara program yang telah dijalankan ialah Program Townhall Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) di lima zon utama iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Lembah Klang, Zon Sabah dan Zon Sarawak yang menampilkan sesi dialog interaktif antara kepimpinan kerajaan negeri dan anak-anak perantau.

Program Sukan Anak Kelantan di Perantauan turut dianjurkan dengan

pelbagai aktiviti sukan seperti bola sepak, takraw dan permainan lain, bertujuan mengukuhkan semangat kerjasama serta silaturahim dalam kalangan komuniti anak Kelantan.

“Selain tu, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan Program Mahabbah bersama anak Kelantan di perantauan pula melibatkan selebriti dan anak seni Kelantan, mahasiswa dan mahasiswi, serta masyarakat bukan islam di perantauan” ujarnya.

YB Mohd Asri turut memaklumkan bahawa antara program yang telah diadakan melalui 45 cawangan Persatuan Anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN Malaysia) ialah Ihya’ Ramadan, Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Back to School dan Program Kacau Bubur Asyura.

Projek agro belia: Kelantan aktifkan tanah terbiar, bina Pusat 3P sebagai hab pertanian

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 11 November - Kerajaan Negeri mengambil langkah strategik menggiatkan penyertaan belia dalam sektor pertanian melalui pembangunan kawasan tanah terbiar di DUN Gaal bagi projek pertanian komersial melibatkan keluasan 150 ekar di Gong Datok dan 100 ekar di Kandis.

Usaha tersebut diumumkan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Gaal YB Mohd Rodzi Jaa’far pada Persidangan Dewan Negeri Kelantan (Belanjawan), hari keempat, hari ini.

Menurutnya, projek berkenaan akan mengutamakan penyertaan

belia tempatan dan memberi tumpuan kepada tanaman bernilai tinggi serta berpotensi besar di pasaran.

“Projek ini akan mengutamakan penyertaan belia tempatan dan berfokus kepada hasil yang mempunyai nilai pasaran tinggi. Kerajaan juga merancang pembinaan Pusat 3P (Pengumpulan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran) di Gong Datok yang akan berfungsi sebagai pusat logistik dan hab pemasaran hasil tani, lengkap dengan kemudahan peralatan mengikut keperluan usahawan,” katanya.

Tambahnya, sasaran utama projek adalah membantu usahawan tani muda memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan, seiring sasaran kerajaan menjadikan sektor pertanian lebih moden, kompetitif dan berdaya



saing.

Selain itu, jabatan dan agensi kerajaan turut menawarkan kursus dan bengkel pertanian secara percuma untuk meningkatkan kemahiran teknikal dalam bidang penanaman, ternakan, teknologi pertanian dan pemasaran.

Dalam aspek jaringan industri, kerajaan turut memfasilitasi hubungan rasmi antara usahawan tani dan

syarikat korporat untuk pelaksanaan tanggung jawab sosial korporat (CSR), melibatkan pemberian input pertanian, penyediaan jentera serta khidmat nasihat teknikal.

“Kempen promosi melalui Facebook, TikTok dan media massa terus digiatkan bagi meningkatkan kesedaran belia terhadap peluang kerjaya dan sokongan yang disediakan kerajaan,” ujarnya.

Kerajaan negeri tegas tangani gejala sosial dan LGBT di Kelantan



Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 12 November – Kerajaan negeri terus memberi keutamaan dalam menangani pelbagai masalah gejala sosial termasuk LGBT yang berlaku di negeri ini, khususnya menerusi pemantapan terhadap enakmen-enakmen sedia ada yang telah diwartakan dan dilaksanakan di negeri ini.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK) telah melakukan pendakwaan terhadap kesalahan-kesalahan yang menyalahi Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019, termasuk berkaitan LGBT.

“Memang terdapat 16 seksyen yang terbatal, namun daripada 68 seksyen keseluruhannya, masih ada 52 seksyen yang masih digunakan dan boleh dikuatkuasakan sehingga ke hari ini.

“Bagi isu LGBT ini, seksyen yang masih lagi terpakai ialah seksyen 15 (musahaqah), seksyen 19 (lelaki yang berlagak perempuan), seksyen 20 (perempuan yang berlagak lelaki) dan seksyen 22 (pembedahan kosmetik yang melanggar syariah) termasuk pembedahan plastik bagi perubahan transgender,” katanya pada Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 2025 di Kompleks Lota Darul-

naim, hari ini.

Menurutnya, sehingga November 2025, sebanyak 17 kes berkaitan LGBT telah dibuka kertas siasatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah dengan JPSNK, namun kebanyakan kes adalah Non-Further Action (NFA) iaitu tidak ke arah pendakwaan seterusnya, tetapi lebih kepada khidmat kaunseling.

Selain itu, katanya lagi, JPSNK dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) juga telah melakukan pelbagai program seperti program penerangan undang-undang syariah di peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), masjid serta di jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Antara tindakan lain yang dib-

uat, ialah membuat siasatan dan serbuan bagi setiap aduan yang dilaporkan, mengadakan pameran-pameran di IPT, program penerangan kepada masyarakat di Program Cakna Rakyat di setiap DUN serta membuat papan tanda di lokasi-lokasi tumpuan ramai untuk mencegah LGBT dan lain-lain.

Beliau turut memaklumkan bahawa usaha dakwah dalam pelbagai segi telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam membendung hal ini, termasuklah di pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) itu sendiri, telah pun mengeluarkan khutbah Jumaat khas tentang LGBT pada 8 Ogos lalu dengan tajuk “Hak Asasi yang Batil” yang telah dibaca oleh khatib-khatib di masjid seluruh Kelantan.



Kelantan sasar ekonomi baharu berteraskan syariah dan inovasi - YB Nik Bahrum

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 12 November – Kelantan mengorak langkah ke arah pembentukan ekonomi baharu yang berpaksikan prinsip syariah dan pemeraksanaan inovasi, selari dengan tema Belanjawan Negeri 2026, “Kelantan Sejahtera: Prihatin Rakyat, Ekonomi Berkat, Negeri Rahmat”.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah menegaskan bahawa sekarang adalah masa bagi Kelantan bergerak ke hadapan dengan strategi ekonomi yang lebih lestari dan berimpak tinggi.

Ketika menyokong perbahasan belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud,

YB Nik Bahrum menyatakan bahawa negeri ini perlu menumpukan kepada kekuatan sebenar yang dimiliki iaitu budaya Islam, warisan seni, kekayaan sumber manusia dan keindahan alam.

“Sudah tiba masanya Kelantan beralih kepada ekonomi baharu yang lestari, strategik dan sesuai dengan kekuatan sebenar negeri,” ujarnya pada sesi perbahasan Persidangan Dewan Negeri Kelantan (Belanjawan), hari kedua, pada Ahad.

Beliau tampil menggariskan empat sektor utama sebagai pamacu pertumbuhan masa depan iaitu Pelancongan Islam dan ekopelancongan komuniti, Industri halal bersepadu, Ekonomi digital dan teknologi hijau, serta Pertanian pintar dan agroekonomi moden.

Menurutnya, transformasi tersebut tidak hanya berorientasikan



keuntungan, tetapi mesti mematuhi prinsip keberkatan dalam ekonomi.

“Daripada ekonomi berasaskan sumber kepada ekonomi berasaskan ilmu dan inovasi. Itulah wajah sebenar Ekonomi Berkat. Hasilnya halal, perniagaannya adil, dan manfaatnya kembali kepada rakyat,” jelasnya.

YB Nik Bahrum turut mene-

gaskan bahawa Belanjawan 2026 bukanlah belanjawan sempurna, namun ia dibina atas kejujuran dan realiti kemampuan negeri.

“Kita tidak menunggu keajaiban dari luar. Kelantan telah membuktikan bahawa dengan dasar Islam yang jelas dan kepimpinan amanah, negeri ini mampu membina kemakmuran dengan caranya sendiri,” katanya.

RUU Keluarga Islam 2025: Mahkamah boleh perintah anak bayar nafkah kepada ibu bapa



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 November – Penjagaan ibu bapa oleh anak serta pemberian kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan nafkah kepada ibu bapa dan leluhur antara peruntukan baharu yang diperkenalkan menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Keluarga Islam 2025 yang dibentangkan pada Persidangan Dewan Negeri Kelantan, semalam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, peruntukan tersebut diwujudkan bagi menyelesaikan antaranya isu pengabaian warga

emas selain memperkukuh tanggungjawab anak dan waris terhadap ibu bapa.

“Melalui peruntukan ini, mahkamah boleh memerintahkan anak atau cucu untuk membayar nafkah kepada ibu, bapa, datuk, nenek, moyang dan seterusnya.

Waris pusaka juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga warga emas yang tidak mempunyai anak,” katanya.

Menurut YB Mohd Asri, langkah itu merupakan antara usaha kerajaan negeri memastikan undang-undang kekeluargaan Islam terus relevan dengan keperluan semasa dan berpaksikan prinsip keadilan Islam.

Beliau turut menjelaskan bahawa RUU berkenaan mengandungi Sebelas 11 bahagian dengan 178 seksyen serta enam jadual yang merangkumi pelbagai aspek hukum kekeluargaan Islam.

“Rang undang-undang ini digubal bagi menjaga institusi kekeluargaan, melindungi hak dan tanggungjawab ahli keluarga, menyelesaikan konflik secara adil, melindungi golongan rentan seperti warga emas, wanita dan anak-anak, menjaga salasilah keturunan dan maruah, serta membantu pembangunan sosial selari dengan tuntutan Islam,” katanya.

Beliau memaklumkan, Enakmen Keluarga Islam 2002 yang se-

dang diguna pakai kini telah diwartakan pada 19 Disember 2002 dan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2003, namun tidak pernah dipinda selama 23 tahun.

“Maka, Rang Undang-Undang Keluarga Islam 2025 ini digubal bagi menggantikan Enakmen Keluarga Islam 2002 supaya lebih sesuai dengan perkembangan semasa,” jelasnya.

RUU Keluarga Islam 2025 telah menerima sokongan sebulat suara daripada Dewan Negeri Kelantan, menandakan komitmen penuh kerajaan negeri untuk memperkukuh dasar Islam melalui perundangan yang lebih menyeluruh, adil dan berpaksikan syariat.



Ahmad Syihan, Nik Akif Syahiran dari LED ke peringkat kebangsaan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 9 November – Program Liga Elit DUN (LED) anjuran Urus setia Belia dan Sukan (U-BeS) sejak 30 tahun lalu terus membuahkan hasil apabila ramai pemain muda yang bermula di LED kini beraksi di peringkat negeri, profesional dan kebangsaan.

Antara pemain LED yang kini mencipta nama di peringkat lebih tinggi ialah Ahmad Syihan Hazmi Mohamed (DUN Salor), yang kini bersama Johor Darul Ta'zim (JDT) dan skuad kebangsaan, serta Nik Akif Syahiran Nik Mat (DUN Mengkebang) yang pernah mewakili Kelantan, Terengganu, KUFC, Pulau Pinang dan kini beraksi bersama Imigresen FC.

Selain itu, Mohammad Fikri Che Soh (DUN Kijang) beraksi untuk Kelantan (KTRW), Muhammad Hakimi Abdullah (DUN Meranti) kini bersama Negeri Sembilan



FC, dan Fakhrol Che Ramli (DUN Kemuning) dari Kelantan Darul Naim (WTS FC).

Dua lagi pemain dari DUN Panchor, Mohamad Khala'if Mohd Naskam dan Mohamad Khairul Rizam Che Soh, pernah mewakili pasukan negeri dan kelab profesional tempatan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata perkembangan itu membuktikan LED bukan sekadar pertandingan

bola sepak peringkat komuniti, tetapi platform penting untuk melahirkan pemain berpotensi tinggi dan berdaya saing.

“Ramai pemain LED telah menunjukkan kemampuan di pentas lebih besar. Ini bukti jelas bahawa LED memainkan peranan penting sebagai medan pembangunan bakat bola sepak negeri,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Tuan Azhar Salleh pada Hari Kedua Persidangan Kali



Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang ke-15 tahun 2025, hari ini.

“Ramai bakat muda yang bermula di padang-padang kecil sekitar DUN kini sudah beraksi di stadium besar, mewakili negeri dan negara. Inilah matlamat utama LED iaitu melahirkan pelapis bola sepak Kelantan yang berdisiplin, berdaya saing dan memiliki masa depan cerah dalam bidang sukan,” jelasnya.

Kelantan terus sokong penggiat seni dan budaya tempatan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 November – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memberi sokongan kepada penggiat seni dan budaya tempatan dengan menyediakan pelbagai ruang serta peluang untuk mereka menonjolkan bakat masing-masing.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata usaha itu dijalankan melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi agensi negeri dan Jabatan

Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Menurutnya, antara contoh pengajuran yang mendapat sambutan ialah program Himpunan 1100 anjuran Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang diadakan di Stadium Sultan Muhammad IV beberapa bulan lalu.

Katanya lagi, kerajaan negeri turut bercadang menganjurkan satu perhimpunan besar-besaran para pesilat yang dijangka menghimpunkan lebih 1,000 pesilat daripada pelbagai perguruan silat di Kelantan.

“Insya-Allah, tempat dan tarikh akan diumumkan kemudian,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Ipoh, YB Bahari Mohamad Nor, pada Persidangan Kali Yang Ketiga Dewan (Belanjawan), Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, hari kelima, hari ini.

Tambahnya, persembahan seperti silat dan dikir barat sering diadakan dalam majlis rasmi anjuran jabatan negeri dan persekutuan, manakala pertandingan seni juga diadakan bagi menggalakkan penyertaan penggiat budaya tempatan.

Antara yang mendapat sambutan ialah pertandingan Seni Silat Naga Boro dan Silat Jatuh di Pasir Mas yang memperlihatkan ketangkasan dan keindahan gerak pesilat.

Selain itu, katanya, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) turut menyediakan ruang persembahan secara percuma kepada penggiat seni untuk membuat persembahan di Gelang-

gang Seni Kota Bharu setiap petang Isnin, Rabu dan Sabtu, serta di Laman Warisan Kampung Laut setiap petang Jumaat.

“Penggiat seni yang dijemput membuat persembahan di Gelanggang Seni turut diberikan imbuhan sebagai galakan,” katanya.

Menjawab persoalan beberapa ADN tentang penubuhan Pusat Latihan Silat, YB Datuk Kamarudin menjelaskan bahawa, buat masa ini kerajaan negeri belum bercadang menubuhkan pusat latihan silat rasmi, namun tetap memberi sokongan kepada perguruan sedia ada di seluruh negeri.

Untuk rekod, antara perguruan silat yang aktif ialah Silat Setanjak dengan 30 gelanggang, Silat Gayong (120 gelanggang), Silat Lintau (2 gelanggang), Silat Terlak Asli (210 gelanggang) dan Silat Cekak Hanafi (12 gelanggang).

“Kerajaan negeri akan terus membantu dan menyokong usaha memperkasakan seni budaya tempatan agar terus hidup subur dalam masyarakat,” katanya.

Kelantan Future State 2033: Hala tuju baharu pembangunan negeri

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 12 November — Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan hala tuju baharu pembangunan negeri melalui pelancaran Kerangka Strategik Kelantan Future State (KFS) 2033: Menjana Negeri Sejahtera, bagi memastikan kemajuan ekonomi, tadbir urus berintegriti serta kesejahteraan rakyat direalisasikan secara tersusun hingga tahun 2033.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperincikan strategi pelaksanaan pembangunan negeri melalui dokumen Kelantan Future State: Kelantan Sejahtera 2033 (KFS2033), sebagai peta jalan utama ke arah merealisasikan visi "Kelantan Sejahtera 2033".

Beliau berkata, pendekatan tersebut dirangka berasaskan prinsip Membangun Bersama Islam, yang menjadi teras pentadbiran negeri sejak dahulu, namun kali ini digerakkan melalui strategi lebih sistematik, melibatkan pemantauan prestasi, pemikiran masa depan serta pengukuhan kerjasama pelbagai pihak.

"Kerajaan Negeri telah menyusun pelan pelaksanaan berdasarkan portfolio Exco dengan indikator prestasi yang jelas serta dipantau secara berkala. Ini untuk memastikan setiap perancangan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat," katanya.



Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Kuala Balah, YB Dato' Abdul Hadi Awang Kechil pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Ke-15 Tahun 2025, hari kelima, hari ini.

Dato' Mohamed Fadzli menyenaraikan empat langkah strategik pelaksanaan KFS2033. Pertama, penstrukturan pelaksanaan melalui hala tuju portfolio.

"Semua Exco Kerajaan Negeri mengguna pakai dokumen induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) dan Halatuju Portfolio Kerajaan Negeri 2024–2028. Setiap portfolio mempunyai pelan lima tahun berasaskan 19 kuasa penggerak KFS2033.

"Antaranya, tadbir urus cekap dan amanah, pemerkasaan ekonomi Islam, industri halal dan pelaburan beretika, peningkatan kemudahan jalan, air dan pengang-

kutan yang lebih baik, pembangunan belia berwawasan dan keluarga sejahtera, serta pemeliharaan alam sekitar dan sumber air. Semua portfolio mempunyai Indikator Prestasi Utama (KPI) dan dipantau mengikut sasaran KFS 2033," jelasnya.

Kedua, pemantauan pelaksanaan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK) menjadi penyelarasan utama pelaksanaan.

"Tindakan utama kedua-dua agensi tersebut adalah menyusun 770 pelan tindakan melibatkan hampir 150 jabatan dan agensi bagi tempoh 2024–2028. Pemantauan berkala prestasi dan mengenal pasti cabaran pelaksanaan, serta menyediakan pelaporan terus ke kerajaan negeri untuk tindakan susulan segera," katanya.

Seterusnya yang ketiga ialah penerapan pemikiran masa depan yang melibatkan kepimpinan

“

Kerajaan Negeri telah menyusun pelan pelaksanaan berdasarkan portfolio Exco dengan indikator prestasi yang jelas serta dipantau secara berkala. Ini untuk memastikan setiap perancangan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat,”

negeri digalakkan mengadaptasi pemikiran futuristik selari dengan prinsip Islam seperti ijtihad dan tajdid.

Menurut Dato' Dr. Fadzli, pelaksanaannya dikendalikan oleh Institut Latihan Darul Naim (IL-DAN) yang akan menganjurkan Kursus Futures Thinking kepada barisan kepimpinan dan pentadbir negeri, serta mengadakan Seminar Kelantan Futures State 2033 sebagai platform wacana dan perancangan masa depan negeri.

"Keempat, pengukuhan sinergi dan libat urus yang melibatkan pihak berkepentingan seperti NGO, belia, wanita dan anak Kelantan di perantauan secara inklusif. Antara program utama ialah Sidang NGO oleh UBeS dan Konfederasi NGO, Forum Belia oleh Kelantan Future Leaders, Townhall Anak Perantauan oleh UPKN serta Libat Urus Wanita oleh U-KeKWA," ujarnya.

